

13 JUN 2000

Rafidah-Wanita

PUSAT ADUAN WANITA UMNO MULA BEROPERASI JUMAAT INI

KUALA LUMPUR, 13 Jun (Bernama) -- Pergerakan Wanita Umno menubuhkan pusat aduan bagi membantu golongan wanita menyelesaikan masalah yang mereka hadapi.

Ketua pergerakan itu Datuk Seri Rafidah Aziz berkata pusat itu, yang bertempat di ibu pejabat pergerakan di Tingkat 37, Menara Dato' Onn, akan beroperasi sekali seminggu mulai Jumaat ini.

"Buat permulaan, kita akan beroperasi dari 10 pagi hingga 1 petang dan akan dikendalikan oleh anggota exco pergerakan dan kakitangan ibu pejabat," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat exco pergerakan itu, di sini.

Rafidah berkata beliau dan naib ketua Datuk Shahrizat Abdul Jalil akan turut mendengar masalah mereka yang ingin mendapatkan khidmat nasihat atau bantuan pusat itu.

Menurutnya pusat itu akan melayani semua jenis masalah yang dikemukakan dan tidak terhad pada soal politik dan kekeluargaan.

Beliau berkata pergerakan wanita mengalu-alukan tenaga profesional terutama kalangan peguam untuk membantu secara sukarela di pusat aduan itu.

Rafidah berkata mesyuarat itu juga membuat keputusan supaya unit khas penerangan Wanita Umno ditubuhkan bagi membantu menyemak daftar pengundi selain mengendalikan laman web Wanita Umno untuk memudahkan anggota pergerakan itu berinteraksi.

Katanya pergerakan itu juga akan mewujudkan modul kerja Wanita Umno bagi menghadapi mana-mana pilihan raya kecil yang mungkin diadakan.

"Kita nak sediakan "check list" yang antaranya menyenaraikan pengalaman dan kelemahan kita semasa menghadapi pilihan raya untuk dijadikan panduan jika menghadapi lagi pilihan raya kecil," katanya.

Perkara lain yang turut dibincangkan pada mesyuarat empat jam itu ialah cadangan Pergerakan Wanita mengeluarkan buletin Wanita Umno yang akan diedarkan kepada semua anggota secara percuma.

"Kita mahu anggota Wanita hingga ke peringkat akar umbi dapat mengetahui apa yang berlaku dalam pergerakan itu," katanya.

Rafidah berkata mesyuarat itu juga bersetuju supaya jamuan Malam Mawar Merah yang dijangka pada Oktober ini diadakan bagi mengisi tabung pergerakan itu.

Ditanya mengenai pelantikan lima anggota exco tambahan wanita, beliau berkata pergerakan itu belum bersedia membuat pelantikan itu lagi.

Selain itu, Rafidah juga ditanya mengenai kedudukan hutang Wanita Umno ketika pergerakan itu diterajui oleh bekas ketuanya, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman.

"Tak payah cakap pasal duitlah...saya dah kata banyak perkara tergantung mengenai wang ini. Tak payah cakap pada umumlah," katanya.

Menurutnya beliau telah mengemukakan kepada presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai status kewangan pergerakan itu.

"Kita sudah pun buka akaun baru supaya status (kewangan) kita bersih. Pada kita, hutang-hutang lama itu, saya tak tahu butirnya. Saya tak terlibat pun. Tapi apa yang penting bagi kita ialah kita dah ada akaun baru...maka kita jalankanlah kerja kita.

"Yang (hutang) lama tu, mungkin Umno (pusat) akan selesaikan. Tak mampu kita nak bayar hutang orang," katanya.

Bulan lepas, Siti Zaharah menafikan dakwaan Rafidah bahawa pergerakan itu mempunyai beban hutang yang banyak semasa dibawah pimpinannya.

-- BERNAMA

NZ ZS NAK